



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMOHON

**TAWARAN MENGEMUKAKAN
SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN BAHAN
PROMOSI KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA
(KBBM) UNTUK KEGUNAAN KETIKA
PENYERTAAN DI PELBAGAI PROGRAM DAN
AKTIVITI ANJURAN PELBAGAI PIHAK TAHUN
2025**

PERINGATAN PENTING:

**PEMOHON DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI
DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG
TERKANDUNG DIDALAM DOKUMEN INI**

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMOHON

TAWARAN MENGEMUKAKAN SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN BAHAN PROMOSI KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM) UNTUK KEGUNAAN KETIKA PENYERTAAN DI PELBAGAI PROGRAM DAN AKTIVITI ANJURAN PELBAGAI PIHAK TAHUN 2025

Pemohon dikehendaki mematuhi sepenuhnya Arahan Dan Syarat Kepada Pemohon bagi **Permohonan Sebut Harga Bagi Perolehan Bahan Promosi Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) Untuk Kegunaan Ketika Penyertaan di Pelbagai Program Dan Aktiviti Anjuran Pelbagai Pihak Tahun 2025**. **KEGAGALAN MEMATUHI** mana-mana arahan atau syarat yang dinyatakan boleh menyebabkan **PERMOHONAN DITOLAK**.

1. Kelayakan Pemohon

- (i) Pemohon adalah Syarikat tempatan yang berdaftar, bertapak dan menjalankan perniagaan di Malaysia.
- (ii) Pemohon perlu mahir dengan pengurusan dalam Perkhidmatan yang perlu dijalankan.
- (iii) Pemohon mempunyai kemudahan pelaksanaan dan tenaga kerja yang mencukupi untuk melaksanakan Perkhidmatan.
- (iv) Keutamaan diberikan kepada Syarikat Bumiputera.
- (v) Memiliki Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Berserta salah satu **kod bidang (010301 / 010401 / 020901 / 222001 / 222002 / 222009)** di Bawah Kementerian Kewangan Malaysia

2. Tempoh Pelawaan dan Penghantaran Dokumen Sebut Harga

- (i) Borang Permohonan yang telah lengkap dan ditandatangani hendaklah dihantar secara **EMEL tidak lewat jam 12.00 tengahari pada 17 Januari 2025 (Jumaat)**. Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemohon bagi menyediakan permohonan boleh dituntut daripada pihak Kerajaan.
- (ii) Dokumen hendaklah dikemukakan secara **EMEL** ke alamat emel Sekretariat KBBM di **bmc@kpdn.gov.my**.

3. Skop Perkhidmatan

PENTING:

SYARIKAT DIKEHENDAKI MENGEMUKAKAN SEBUT HARGA BAGI SETIAP SPESIFIKASI YANG TELAH DISEDIAKAN OLEH PIHAK URUSETIA.

- (i) Skop perkhidmatan bagi Permohonan Sebut Harga Bagi Perolehan Bahan Promosi Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) Untuk Kegunaan Ketika Penyertaan di Pelbagai Program Dan Aktiviti Anjuran Pelbagai Pihak Tahun 2025 adalah seperti berikut:-

SPESIFIKASI KERJA

BIL.	JENIS BAHAN PROMOSI	SPESIFIKASI	ANGGARAN KUANTITI (UNIT)
1	FOLDABLE TRAVEL LUGGAGE BAG	1 color logo print	2,000
2	ECO-WHEAT LUNCH BOX	1 Liter 1 color logo print	1,000
3	6-IN-1 USB CABLE WITH MIRROR	1 color logo print	1,500
4	PU LUGGAGE TAG HOLDER	Full Color Logo Print	2,500
5	METAL SWIVEL BLACK WOODEN USB FLASH DRIVE	16 GB 1 color logo print	1,000
6	FELT CARRY COLOR BAG	L size Mix color 1 color logo print	2,000
7	FOLDABLE CANVAS BAG	8 Oz Mix color 1 color logo print	2,000
8	PU FABRIC HARD COVER NOTEBOOK	A5 Pen Loop Mix color 1 color logo print	2,000

9	THERMOS COATED STAINLESS STEEL BOTTLE	500 ml 1 color logo print	1,000
10	WOODEN 3 FOLD UMBRELLA HANDLE WITH AUTO OPEN CLOSE	21" 1 color logo print	1,000
11	POLYESTER SHOES POUCH / TRAVEL MULTIPURPOSE POUCH	Full Color Logo Print	1,500
12	BUCKLE BACKPACK	1 color logo print	1,500
13	NON WOVEN BAG	A4 Full color custom design <i>(Nota: wajib sertakan contoh rekaan beg)</i>	2,000
14	NON WOVEN BAG	A3 Full color custom design <i>(Nota: wajib sertakan contoh rekaan beg)</i>	2,000
15	FELT PASSPORT POUCH WITH PEN LOOP	1 logo color print	500
16	FELT TABLET DOCUMENT SLEEVE WITH PEN HOLDER	15.4" 1 color logo print	500
17	MINI FOLDABLE FAN WITH LANYARD	300 mAh 1 color logo print	500
18	THERMOS STAINLESS STEEL BOTTLE – 1000ML	230(L) x 90(W) 1 color logo print	500
19	NORTH HARBOUR 220GSM SOFT-TOUCH POLO	Full color custom design	500
20	FISHERMAN COTTON HAT 210G	1 logo color print	250

(Nota: Contoh logo KBBM disertakan pada lampiran dokumen ini)

6. Anggaran Harga Indikatif Kementerian

- a) Anggaran harga indikatif Kementerian bagi **Perolehan Bahan Promosi Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) Untuk Kegunaan Ketika Penyertaan di Pelbagai Program Dan Aktiviti Anjuran Pelbagai Pihak Tahun 2025** adalah seperti ketetapan berikut:-

SKOP PERKHIDMATAN	ANGGARAN HARGA INDIKATIF* (RM)
Perolehan Bahan Promosi Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) Untuk Kegunaan Ketika Penyertaan Di Pelbagai Program Dan Aktiviti Anjuran Pelbagai Pihak Tahun 2025	RM 300,000.00

*Nota: *Anggaran peruntukan ini merangkumi kos Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan kos penghantaran ke ibu pejabat KPDN Putrajaya)*

b) Panduan Pengisian Borang Permohonan

- (i) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang Permohonan mengikut format yang telah ditetapkan;
- (ii) Borang Permohonan hendaklah dilengkapkan dengan KEMAS dan JELAS serta menggunakan pen berdakwa hitam dan ditulis dengan huruf besar (*capital letter*) atau ditaip;
- (iii) Borang Permohonan dan dokumen-dokumen yang disertakan bersama hendaklah dilampirkan bersama di dalam satu (1) emel; dan
- (iv) KPDN berhak untuk menolak sebarang Borang Permohonan yang tidak mengikut panduan yang telah ditetapkan.

c) Semak Dokumen yang perlu dikemukakan oleh Pemohon

DOKUMEN	BIL	SENARAI DOKUMEN
Dokumen Wajib	1	BORANG PERMOHONAN (i) Bahagian 1: Profil Syarikat (ii) Bahagian 2: Pengalaman Syarikat (iii) Bahagian 3: Tawaran Harga (iv) Senarai Semak

	2	PEROLEHAN BAHAN PROMOSI KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM) UNTUK KEGUNAAN KETIKA PENYERTAAN DI PELBAGAI PROGRAM DAN AKTIVITI ANJURAN PELBAGAI PIHAK TAHUN 2025 Dokumen sebut harga merangkumi butiran tawaran sebut harga, cadangan grafik dan rekaan bagi keseluruhan pelaksanaan sepertimana spesifikasi kerja yang dinyatakan.
	3	SALINAN DOKUMEN PENDAFTARAN SYARIKAT/ PERNIAGAAN YANG BERDAFTAR DI BAWAH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) Salinan dokumen ini mestilah masih sah laku (<i>valid</i>) sewaktu pelaksanaan program
	4	SALINAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERSERTA SALAH SATU KOD BIDANG BERKAITAN (010301/ 010401/ 020901 / 222001 / 222002 / 222009) DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA Salinan dokumen ini mestilah masih sah laku (<i>valid</i>) sewaktu pelaksanaan program
	5	SALINAN PENYATA BANK Salinan Rasmi Penyata Bank (janaan mesin ATM atau CDM tidak diterima) untuk tiga (3) bulan terkini (Bulan Oktober 2024- Disember 2024)

d) **Tatacara Penghantaran Borang Permohonan**

- (i) Borang Permohonan yang dikemukakan perlu dicetak di atas kertas berwarna putih, bersaiz A4, diimbas dan dihantar menggunakan format *portable document format* (pdf);
- (ii) Sebut harga yang dikemukakan boleh menggunakan format

portable document format (pdf) sahaja;dan

- (iii) Sekiranya dokumen yang dihantar melebihi kuota saiz yang dibenarkan, pemohon boleh mengemukakan pautan muat turun dokumen di dalam emel yang sama.

7. Tempoh Sah Laku Tawaran

- a) Tempoh sah laku tawaran pemohon hendaklah 180 hari daripada tarikh tutup iklan;dan
- b) Mana-mana pemohon yang mengemukakan tempoh sah laku harga kurang daripada masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

8. Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima (SST)

Kerajaan akan mengeluarkan Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima (SST) kepada Pemohon yang berjaya dan SST tersebut perlulah dikembalikan kepada Kementerian dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh ianya dikeluarkan oleh Kementerian.

9. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

- a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- b) Pemohon yang didapati mengemukakan maklumat atau dokumen palsu bagi menyertai permohonan sebut harga ini adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- c) Mana-mana kontraktor atau Pemohon yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- d) Pemohon yang berminat menyertai tawaran mengemukakan sebut harga ini perlu mematuhi PK 1.6 (Integriti dalam Perolehan Kerajaan) dan PK 8 (Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan).

10. Maklumat Tambahan

Sebarang keperluan maklumat tambahan mengenai permohonan ini boleh dirujuk kepada:

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup,
Bahagian Pembangunan Perniagaan,
Aras 5 (Menara), No 13, Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya**

Untuk Perhatian:

- I. Sekretariat KBBM**
Email : bmc@kpdn.gov.my
- II. Encik Salman Bin Salim**
No. Tel : 03-8882 5778
Emel : salman.salim@kpdn.gov.my
- III. Cik Norfaridahtul Akma Binti Mohd Noor**
No. Tel : 03-8882 7013
Emel : norfaridahtulakma@kpdn.gov.my
- IV. Cik Noor Syafiqa Aqila Binti Mohd Rosmi**
No. Tel : 03-8882 6184
Emel : noorsyafiqa@kpdn.gov.my
- V. Cik Siti Zulaikha Binti Ibrahim**
No. Tel : 03-8882 6488
Emel : zulaikha@kpdn.gov.my

*Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Kos Sara Hidup (KPDN)*